

23 OCT 2001

Abdullah-Antraks

K'JAAN CARI JALAN BERKAS MEREKA YANG JADIKAN ANTRAKS BAHAN JENAKA

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan mencari jalan memberkas mereka yang menjadikan bahaya antraks satu gurauan yang kini berleluasa di negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Kita perlu memikirkan jalan untuk memastikan mereka ini, jika ada, tidak akan mengulangi perbuatan itu...mesti ada caranya, saya tidak tahu, bagaimanapun saya akan bertanya polis dan mengkajinya..." katanya.

Beliau berkata jika pujukan dan nasihat tidak memadai bagi mereka ini, maka pihak berkuasa akan mencari jalan lain menghalang mereka daripada mengganggu kehidupan mereka yang tidak berdosa.

"Semua orang takutkan perkara itu, ia bukan gurauan lagi, ia terlalu, amat serius," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada seminar Pengkorporatan Agensi Kerajaan di sini.

Ditanya sama ada perbuatan menakutkan orang ramai itu mungkin merupakan usaha sabotaj ekonomi negara, beliau berkata sesiapa pun boleh membuat teori masing-masing terhadap beberapa insiden berturutan baru-baru ini.

"Saya mahu mengadakan perbincangan dengan polis dan memastikan apa yang boleh kita lakukan untuk menghalang sesiapa jua yang cuba mengambil kesempatan dengan sengaja menimbulkan ketakutan untuk sabotaj atau membuatkan kehidupan orang lain huru-hara," katanya.

Bagaimanapun Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, enggan mengulas ketika ditanya sama ada Akta Keselamatan Dalam Negeri akan digunakan terhadap mereka ini.

"Saya belum mahu berkata apa-apa lagi bagaimanapun kami akan membincangkan isu ini pada mesyuarat Majlis Keselamatan Negara," katanya.

Menyentuh perkara lain, Abdullah berkata pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush di forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik di Shanghai hujung minggu lepas, akan mewujudkan persefahaman yang lebih baik antara kedua-dua negara.

"Pertemuan itu baik dan penting, ia juga, saya percaya akan dapat melahirkan satu persefahaman antara kedua-dua pemimpin dan kedua-dua negara mengenai pelbagai isu yang timbul kerana salah faham," katanya.

Beliau berkata Malaysia dilihat sebagai menentang Amerika pada hal negara tidak membantah kuasa besar itu dengan sengaja.

"Kita bukannya mahu berkelahi tapi kita katakan apa yang benar sahaja," katanya.

Abdullah menegaskan bahawa inilah cara Dr Mahathir menyuarakan pendapatnya dan apa yang beliau katakan bukanlah pandangan beliau sahaja tetapi pendapat anggota kabinet juga kerana isu-isu ini dibincangkan pada mesyuarat mingguan kabinet.

Abdullah berkata segala pandangan Malaysia ini perlu difahami Amerika, bagaimanapun mengenai keganasan, negara ini hanya mempunyai satu pendirian iaitu menentang tindakan keganasan.

Katanya apabila Iraq menyerang Kuwait, Malaysia menentang pencerobohan itu dan dianggap sebagai sahabat Amerika, tetapi selepas Iraq meninggalkan Kuwait dan sekatan dikenakan terhadap kerajaan Saddam Hussein, Malaysia membantah tindakan itu.

Pendirian Malaysia mengenai pelbagai isu, katanya adalah konsisten terutama dalam menolak keganasan, dan disebabkan inilah kerajaan tidak

menyokong serangan Amerika ke atas Afghanistan.

-- BERNAMA

SR KHY RON